



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN
NEGERI TERENGGANU 2022**

**23 JUN 2022 (KHAMIS)
DATARAN PEKAN JABI, BESUT**

SALUTASI

RUJUK DI LAPANGAN

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada **YB Dr. Azman bin Ibrahim, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu** di atas penganjuran Program Hari Peladang, Penternak & Nelayan Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022 ini.
2. Program ini dilihat amat bermanfaat bukan sahaja kepada masyarakat setempat, malah dapat memberi peluang **kepada para pengusaha pertanian mahupun pengusaha industri agromakanan seluruh negeri Terengganu**, untuk menambah pendapatan menerusi program ini. Syabas sekali lagi diucapkan!
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga **peladang, penternak dan nelayan yang saban hari berusaha keras bagi memastikan kelangsungan jaminan bekalan makanan negara sepanjang masa.**

YAB Dato' Seri Menteri Besar dan hadirin sekalian,

4. **Agenda sekuriti makanan** semakin mendapat tumpuan di peringkat tempatan mahupun global. Sektor agromakanan juga berdepan dengan **pelbagai cabaran khususnya pasca pandemik COVID-19 yang sedikit sebanyak mengganggu kelancaran dan kestabilan rantaian bekalan makanan negara.**
5. Dalam hal ini, Kerajaan amat komited dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal utuh **melalui sinergi berterusan bersama Kerajaan Negeri.**
6. Pelbagai usaha dan alternatif yang telah dan sedang diambil termasuklah bagi meningkatkan **pengeluaran hasil domestik, memperluaskan penggunaan teknologi moden, mengurangkan kebergantungan import, meningkatkan kualiti hasil disamping memberi penekanan terhadap jaminan sekuriti makanan negara keseluruhannya.**
7. Bagi tahun 2022, **Kerajaan melalui MAFI telah memperuntukkan lebih RM43.5 juta kepada Negeri Terengganu** melalui Jabatan dan Agensi MAFI untuk melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan ternakan.
8. **Kerjasama yang padu dengan Kerajaan Negeri Terengganu akan diteruskan** bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik

selain **merancakkan lagi sektor pertanian** di sini sekaligus memajukan sektor agromakanan Negeri Terengganu keseluruhannya.

YAB Dato' Seri Menteri Besar dan hadirin sekalian,

9. Kerajaan melalui kerangka Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau singkatannya DAN 2.0, berusaha untuk **mentransformasikan sektor agromakanan kepada sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.**
10. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru **para peladang, penternak dan nelayan terutama golongan muda agar menyokong usaha Kerajaan ini untuk membawa teknologi moden** seperti penggunaan *Internet of Things* (IoT), Pendigitalan, Mekanisasi dan Automasi dalam sektor agromakanan di era IR 4.0. Ini akan dapat melonjakkan **sektor agromakanan ke satu dimensi yang lebih kompetitif, efektif dan berdaya saing.**
11. Sesungguhnya, kerjasama berterusan semua pihak amat penting dalam meneruskan usaha-usaha untuk menjamin **kesejahteraan sosioekonomi golongan sasaran serta memperkukuhkan sekuriti makanan negara di sepanjang rantai nilai** demi kesejahteraan Keluarga Malaysia dan pertumbuhan sektor agromakanan negara.
12. Jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja Kerajaan Negeri dan MAFI yang telah bertungkus-lumus dan berjaya menganjurkan program pada hari ini tidak kira sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung.
13. Akhir kata, saya mengucapkan **SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2022** kepada semua Keluarga Peladang, Penternak dan Nelayan Terengganu.

Sekian, terima kasih.